

Lambakan produk waswas

Bebas dijual, permintaan

Isu produk makanan import tiada logo halal semakin serius .

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lambakan produk import berasaskan keju, tenusu, coklat, rempah ratus, minyak masak dan produk dalam tin yang diragui status halalnya di pasaran, dikesan semakin serius.

Tanpa pensijilan halal antarabangsa dikeluarkan badan luar atau jika adapun, ia tidak diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), produk berkenaan dilihat bebas dipamer dan dijual di rak premis runcit.

Lebih membimbangkan, produk makanan import popular yang dijual itu memang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna Malaysia, termasuk dalam kalangan umat Islam.

Tinjauan *BH* di lebih 10 pasar raya yang menjadi tumpuan pengguna di sekitar Lembah Klang, mendapati banyak produk makanan import yang dijual secara terbuka, tiada logo halal badan luar negara yang diiktiraf JAKIM atau langsung tiada logo berkenaan.

Keadaan itu menimbulkan persoalan berhubung pematuhan pihak pengurusan pasar raya, syarikat pengimport dan pengusaha perniagaan produk makanan dari luar negara terhadap peraturan pensijilan halal JAKIM selama ini.

Semakan *BH* ke atas beberapa produk makanan import terbabit, mendapati kebanyakan produk tanpa pensijilan halal diiktiraf JA-

tinggi

